

Mengimbau jasa Datuk Onn

Oleh SAMSOR JUNET
(WARTAWAN UTUSAN)

UM - 23/2/2006

KHABARNYA lebih 20,000 orang Melayu bakal berhimpun di Stadium Batu Pahat, Johor, Ahad ini, 26 Februari bagi mengimbau kembali ulang tahun ke-60 perjuangan Datuk Onn Jaafar mengetuai gerakan massa menentang Malayan Union.

Ketika negara semakin jauh daripada mengingati sejarah lamanya yang lebih banyak pahit daripada manisnya, perhimpunan kali ini dilihat mampu membawa kita mengenang kembali jasa Datuk Onn yang tidak ternilai itu.

Tidak ramai yang tahu, kecuali mereka yang berminat, bahawa Datuk Onn yang merupakan anak ketiga daripada tujuh beradik kepada Menteri Besar Johor pertama, Datuk Ja'afar Muhammad merupakan anak angkat Sultan Ibrahim (Johor) yang paling cerdik, malah merupakan salah seorang pengasas UMNO pada 1946.

Sultan Johor menghantar Onn Jaafar bersama-sama anakanda baginda belajar di England. Apabila pulang ke Johor pada 25 Mac 1910, beliau mempunyai kekuatan fikiran yang jauh lebih terkehadapan serta masih relevan sampai sekarang.

Bayangkan pada sekitar 1950-an, ketika sebahagian besar orang Melayu masih terkial-kial mengusahakan kemerdekaan negara, Onn Jaafar muncul dengan satu idea mahu menukarkan UMNO kepada corak 'Kebangsaan Malayan'.

Beliau bermaksud hendak membuka pintu UMNO yang baru setahun jagung itu kepada bukan Melayu dengan tujuan hendak memudahkan usaha menuntut kemerdekaan dari British.

Bagi pihak yang menentang idea tersebut, mereka berpendapat ia bertentangan dengan usaha untuk mempertahankan hak kebangsaan orang Melayu daripada 'di malayanunionkan'.

Bermula daripada situlah, Onn Jaafar yang sebelum itu cukup disanjung, mula terpinggir daripada arus perdana politik negara.

Segala jasanya kepada orang Melayu termasuk menyelamatkan kedudukan raja-raja Melayu di negara ini seakan-akan dilupakan.

Keadaan itu akhirnya memaksa beliau menubuhkan Parti Negara dan menang di Kuala Terengganu Selatan dalam pilihan raya umum 1955.

Bekas Presiden UMNO itu menangis pada malam tersebut mengenangkan beliau menang pilihan raya di negeri Terengganu, bukan menang di tanah tumpah darahnya di Johor atau Batu Pahat yang menjadi tempat bergelodaknya darah perjuangannya membela nasib orang Melayu yang masih terkesan sehingga sekarang.

Mengimbias jasa Onn Jaafar yang tidak terhingga itu, pakar sejarah R. G. Collingwood dalam bukunya *Idea Sejarah* mencatatkan empat ciri sejarah iaitu:

- Bahawa ia adalah saintifik atau bermula dengan mengemukakan persoalan.

- Bahawa ia tentang kemanusiaan ataupun mengemukakan tentang perkara-perkara yang telah dilakukan manusia pada waktu tertentu pada masa lalu.

- Bahawa ia adalah rasional atau jawapan yang diberikan kepada persoalan-persoalan yang ditimbulkan berdasarkan kepada bukti.

- Bahawa ia menjelaskan diri, ataupun ia wujud untuk memberitahu manusia dengan cara memberitahu apa yang telah dilakukan oleh manusia.

Onn Jaafar menepati definisi sejarah ini untuk kita membina semula jati diri, semoga Batu Pahat menjadi saksi kembalinya semangat Onn Jaafar dalam diri.